

Pak Lah arah selaras operasi lindung nelayan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan jabatan kerajaan dan agensi yang menguatkuasakan undang-undang di perairan negara menyelaraskan operasi masing-masing bagi melindungi keselamatan nelayan tempatan.

Perdana Menteri berkata, pihak berkenaan juga perlu berusaha mengenal pasti kelemahan dan segera menangani masalah berkaitan.

"Perairan pantai kita mesti dipastikan sentiasa selamat," katanya semasa menghadiri perhimpunan bulanan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini, semalam.

Perdana Menteri mengulas usaha kerajaan bagi memastikan keselamatan nelayan yang sering menjadi ancaman lanun dan perompak di perairan negara terutama di Selat Melaka.

Media kelmarin melaporkan dakwaan nelayan di Perak bahawa kegagalan agensi penguat kuasa memudahkan lanun menjadikan nelayan tempatan sebagai mangsa.

Jabatan Perikanan baru-baru ini mendedahkan sekurang-kurangnya 200 pemilik bot nelayan laut dalam di Perak dipaksa membayar wang perlindungan antara RM300 hingga RM400 sebulan kepada lanun.

Ketua Cawangan Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan, Abdullah Jaafar, dilaporkan berkata selain

lanun, siasatan mendapati wang perlindungan dibayar kepada Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dan pihak berkuasa Indonesia.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, kerajaan bertanggungjawab memastikan perairan negara dan kepulauannya selamat untuk nelayan dan pelancong.

Perdana Menteri berkata, kerjasama erat jabatan dan agensi penguat kuasa dapat menangani pertindihan bidang yang menjejaskan

"Ia penting bukan saja untuk jabatan tertentu, tetapi seluruh kerajaan. Kadang-kadang ada tanggungjawab kita bertindih kerana tidak jelas. Tetapi saya percaya ia bukan sesuatu yang menyusahkan kita," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdullah menolak dakwaan kononnya tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dilayan seperti tahanan perang Iraq di Penjara Abu Ghraib dan menyifatkannya sebagai 'nakal'.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah mendengar ada tahanan ISA dilayan seperti yang diperlakukan tentera Amerika terhadap tahanan perang Iraq:

"Saya berani kata takkan berlaku penderaan terhadap tahanan seperti di Abu Ghraib," katanya sambil



ABDULLAH memperkenalkan muka baru pegawai tinggi KDN pada perhimpunan bulanan kementerian itu di Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Mahayudin Mohamad

menambah, dakwaan itu bertujuan menarik perhatian dunia.

Abdullah juga menyatakan kesediaan menyiasat jika ada bukti kukuh menghubungkan tuduhan itu.

"Kalau mereka ada sesuatu yang spesifik dan benar-benar tahu, mereka harus nyatakan. Tak payah buat tuduhan rambang," katanya.

Mengenai kerjasama Kuala Lumpur-Bangkok, Abdullah berkata, beliau akan mempengerusikan mesyuarat pembangunan Selatan Thailand seperti yang dipersetujui ke-

dua-dua negara minggu depan.

Katanya, mesyuarat itu bagi menetapkan bidang tugas kedua-dua negara supaya tidak menimbulkan pertelingkahan atau masalah.

Mengenai Myanmar, Abdullah berkata, beliau akan mendapatkan maklumat perkembangan terkini daripada Perdana Menteri Jeneral Khin Nyunt yang melawat Malaysia tidak lama lagi.

"Saya tidak mahu mengulas. Saya mahu tahu lebih lanjut lagi," katanya mengulas tindakan pimpinan

Myanmar yang berbincang mengenai perlembagaan negara itu tanpa mendapatkan pandangan pemimpin pembangkang, Aung San Suu Kyi.

Ketika ditanya gesaan negara Eropah yang tidak mahu Myanmar menyertai Mesyuarat Asia Eropah (Asem), beliau berkata:

"Itu selamanya menjadi pandangan negara Eropah. Bagi Asean, kita tidak dapat menerima pandangan atau pendirian Eropah mengenai perkara itu.